

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
DI MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN PIALA PERDANA 2000
DI PULAU LANGKAWI
PADA HARI AHAD, 13 OGOS 2000
JAM 5.00 PETANG**

Marilah kita beramai-ramai mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di Pulau Langkawi yang indah permai ini untuk menyempurnakan hasrat kita dalam kejohanan Badminton Piala Perdana 2000. Setelah 4 hari kita bermain dengan bersungguh-sungguh dan cemerlang, hari ini sampailah kemuncaknya sebelum kita bersurai. Syukur Alhamdulillah!

2. Dengan tamatnya majlis ini, penggiliran negeri-negeri sebagai tuan rumah kejohanan Badminton Piala Perdana telah sempurna. Kecuali negeri Kelantan, dari 1985 apabila bermulanya kejohanan badminton ini, semua negeri berpeluang menjadi tuan rumah. Kelantan tidak menawarkan diri ketika menyertai Kejohanan ini sebelum 19..... Dalam ucapan saya tahun lalu, saya berharap kejohanan ini akan disambut semula di Kelantan dalam tahun alafbaru ini, tetapi, bukan sahaja Kelantan tak pulang ke rumah ibu, Terengganu pula ikut sama jejak Kelantan. Bezanya, Serikandi Kontinjen Terengganu dapat jua menjadi tuan rumah Kejohanan Badminton pada tahun 199... Tentu sekali kaum wanita tidak boleh bermain sukan lagi di sana sekarang atau menyuarakan sokongan mereka terhadap kontinjen masing-masing manakala bermain.
3. Sungguhpun banyak perubahan perlu dibuat selepas November 1999, 12 negeri yang bertanding dapat juga menyediakan barisan pemain mereka. Ada negeri-negeri yang hilang pemain-pemain kuat mereka, ada yang menerima juara-juara dari negeri lain, ada yang tidak berubah. Ini adalah amalan biasa dan mana yang bertukar tempat asal, diganti dengan yang muda. Saya rasa ini adalah baik untuk memberi peluang kepada pemain-pemain muda yang sentiasa menunggu di pinggir untuk dipilih.
4. Selain daripada sebab-sebab perubahan ahli-ahli, umur dan keadaan kesihatan menjadi satu faktor pemain-pemain mengundur diri. Pada tahun lalu, saya telah kemukakan purata umur pemain-pemain dalam kejohanan ini, iaitu..... Tahun ini, keadaan tidak banyak berubah, sungguhpun ada yang lebih muda, tetapi komitmen mereka tidak membolehkan mereka menyertai kejohanan ini.
5. Majlis Ketua-Ketua Kontinjen dan Pengurusan telah memutuskan bahawa Yang Dipertua Badan-Badan Amal tidak akan wajib bermain sebagai "Presiden pair" malahan sebagai pemain biasa sahaja mengikut ranking sekiranya Yang Dipertua ingin bermain. Dengan alasan yang munasabah, Yang Dipertua dikecualikan bermain tetapi perlu digantikan dengan Naib Yang

Dipertua atau Ahli Exco yang terkanan sekali. Sungguhpun tidak bermain, Yang Dipertua harus hadir dalam kejohanan bersama kontinjennya sebagai Ketua Pasukan. Dengan peraturan ini sahaja dapat Yang Dipertua-Dipertua memberi sokongan moral kepada kontinjennya dan bernesra dengan Kontinjen-Kontinjen yang lain. Inilah hasrat kita dalam cogan kata kejohanan ini. Kemesraan melalui sukan Badminton.

6. Pemerhati dalam kejohanan selama 4 hari ini tentulah boleh meneka siapa akan menjadi Johan dalam kejohanan tahun 2000 ini. Semua Kontinjen berusaha dengan sedaya upaya. Mereka telah berlatih bersungguh-sungguh di negeri masing-masing hari-hari, tetapi bukan kesemua 12 Kontinjen dapat menjadi juara. Saya harap Kontinjen-Kontinjen yang tidak mendapat tempat tidak berasa kecewa atau putus asa. Kehadiran saudari-saudari dalam kejohanan yang ke-15 ini adalah suatu rahmat bagi Majlis Kejohanan ini, dan saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pemain-pemain kerana sikap ingin menyertai sukan dan ingin berkawan.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada Kontinjen..... kerana menjadi Johan Piala Perdana 2000, dan Kontinjen..... sebagai Naib Johan.

Tempat ke-3	=
Tempat ke-4	=
Juara pertandingan kalah keluar	=

Syabas kepada mereka atas kegigihan mereka.

8. Kita amat bertuah kerana BIDARA sanggup meneruskan usaha mereka sebagai tuan rumah kejohanan ini. Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya sendiri, semua persiapan dikelolakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri di Alor Setar dan di Daerah Pulau Langkawi. Setiap kali saya berjumpa dengan YAB Dato' Seri Menteri Besar, beliau telah meyakinkan saya bahawa semua persiapan akan dibereskan oleh pasukan beliau yang telah berpengalaman dalam mengaturkan majlis kejohanan serupa ini.

9. Oleh sebab itulah, sejak kita Kontinjen-Kontinjen menjejak kaki ke Pulau Lagenda ini, kita telah disambut dan dilayan seolah-olah Puteri Mahsuri kembali semula dengan begitu baik.

10. Bagi pihak semua Kontinjen yang hadir bersama dengan penyokong-penyokong dan diri saya sendiri, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- 1) Yang Amat Berbahagia Datin Seri Sharifah Hamidah, Yang Dipertua BIDARA dan ahli-ahlinya selaku tuan rumah yang berjaya;
- 2) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Syed Abd. Razak, Menteri Besar Kedah - menyokong dan memberi kerjasama serta mengadakan Jamuan-jamuan Negeri;
- 3) Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Shafie, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah selaku Pengerusi Pengelola Kejohanan Piala Perdana 2000 dan Jawatankuasa-jawatankuasanya - tanpa mereka, penyelenggaraan tidak sempurna;

- 4) Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Hamid, Pegawai Daerah Langkawi dan ajensi-ajensinya di Langkawi;
- 5) Yang Berbahagia Dato Zainal Karib bin Abd Rahim, Pengurus Besar LADA - membenarkan kegunaan Dewan LADA dan jamuan;
- 6) Majlis Sukan Negeri Kedah -
- 7) Persatuan Badminton Kedah menguruskan persiapan teknikal;
- 8) Para hakim, businessmen dan officials
- 9) Para pasukan medical
- 10) Pemain-pemain, jurulatih dan penyokong
- 11) Terakhir sekali - YAB Perdana Menteri kerana sudi menutup majlis ini dan menyampaikan hadiah-hadiah.

11. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha kita untuk menjalinkan persaudaraan melalui sukan badminton selama 15 tahun dan semoga kita dicucuri dengan rahmat dan kesejahteraan dan umur yang panjang untuk berjumpa lagi di bagi kejohanan Piala Perdana yang kel 6 pada tahun 2001, Insya-Allah.

12. Selamat melancong di Pulau Langkawi dan Selamat Pulang.
